

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 17 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1143-L4230
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah keupayaan kapal selam 'Scorpene' kepada sistem pertahanan negara. Bagaimana pula kemampuan TLDM untuk menyelenggara kapal selam tersebut.
2. PN-1143-L3724
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dalam usaha Kerajaan dalam membentuk Universiti APEX yang berasaskan penyelidikan, adakah pihak Kementerian merancang untuk menyerap masuk institut-institut penyelidikan Kerajaan yang sedia ada seperti RRI dan MARDI yang memang telah terkenal di persada dunia untuk kejayaan penyelidikan supaya memberi suatu 'jumpstart' kepada universiti-universiti ini.
3. PN-1143-L4251
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah sebabnya sebahagian besar para profesional berhijrah ke negara-negara luar dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan golongan profesional ini tidak berhijrah ke luar negara.
4. PN-1143-L3964
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan tegas yang diambil oleh Kementerian bagi menentukan pusat jagaan berkediaman atau pusat jagaan harian bagi orang kurang upaya, kanak-kanak serta warga emas yang dikendalikan oleh orang perseorangan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta dapat menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5. PN-1143-L4059
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan pemaju-pemaju projek perumahan untuk menyerahkan kunci bangunan kepada pembeli rumah sebelum bangunan-bangunan yang berkenaan sesuai diduduki walaupun sudah siap dibina.
6. PN-1143-L4469
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana strategi dan projek pertanian yang tersenarai dalam RMK-9 terlaksana dan pada perkiraan Kementerian, berasaskan prestasi yang sedia ada mampukah sektor pertanian benar-benar menjadi penjana ketiga pentingnya dalam pertumbuhan ekonomi negara.
7. PN-1143-L4226
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga Oktober, 2007, berapakah jumlah syarikat yang di senarai di papan utama dan papan ke dua di Bursa Malaysia yang telah digantung dan nyatakan nilainya serta pecahan mengikut taraf Bumiputera dan bukan Bumiputera syarikat-syarikat di papan utama dan papan kedua yang aktif sekarang serta nilai keseluruhannya.
8. PN-1143-L4017
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan menetapkan jumlah minima bagi pelajar-pelajar dari Sabah yang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sabah.
9. PN-1143-L4371
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa masih ada kemudahan asas yang kurang seperti tempat letak kenderaan dan kerusi panjang untuk pengunjung dan penumpang di Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT-KLIA), Sepang.
10. PN-1143-L3985
Dato' Wong Siong Hwee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan sumber air negara tidak tercemar akibat daripada aktiviti pembalakan.
11. PN-1143-L3818
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan setakat bulan Oktober berapakah jumlah permohonan peserta Malaysia My Second Home dan berapakah permohonan berkenaan telah diluluskan dan jika banyak tidak diluluskan, apakah sebab utama penolakan yang dibuat oleh Kementerian dan pihak Imigresen.

12. PN-1143-L4437
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) apakah strategi yang akan diambil untuk memperbaiki cara pengajaran dan pembelajaran kelas PPSMI agar lebih berkesan; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan latihan kepada guru-guru yang mengajar kelas PPSMI dan kelas Bahasa Inggeris sebelum diberi kelayakan untuk mengajar di kelas tersebut.
13. PN-1143-L4027
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Institut Kebapaan sepertimana yang wujud di Amerika Syarikat, untuk mengajar golongan ini menjadi seorang bapa yang baik dan bertanggungjawab ke arah memantapkan serta mengukuhkan institusi kekeluargaan kerana institusi keluarga yang renggang pasti akan menimbulkan banyak masalah sosial.
14. PN-1143-L4099
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha untuk menyeragamkan enakmen syariah di seluruh negara berjaya dan apakah usaha yang telah dibuat untuk melantik hakim syariah wanita di seluruh negara.
15. PN-1143-L3787
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah mendapatkan penderma organ kerana setiap hari ada individu yang memerlukan organ baru.
16. PN-1143-L4334
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan orang ramai menyertai pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).
17. PN-1143-L4182
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar tahap kebersihan dan pengindahan pekan-pekan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih lagi berada di peringkat yang tidak memuaskan.

18. PN-1143-L3889
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi pembangunan sistem baru KWSP dan apakah KWSP memerlukan tambahan kos bagi memastikan sistem yang dibangunkan berfungsi dengan sepenuhnya.
19. PN-1143-L4321
Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga sekarang berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjayakan program PERMATA dan apakah kajian mengenai kejayaan program ini terhadap perkembangan minda kanak-kanak.
20. PN-1143-L4397
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah DBKL mempunyai rancangan untuk mengeluarkan lebih banyak lesen penjaja untuk menjaga kepentingan golongan yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur.
21. PN-1143-L3858
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi yang telah dirangka bagi membolehkan negara terus mencatat perkembangan dan kestabilan ekonomi yang lebih positif khususnya dalam merapatkan jurang ekonomi penduduk luar bandar.
22. PN-1143-L3899
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mempunyai statistik bilangan pondan dan mak nyah di negara ini dan usaha yang telah dilakukan bagi membantu mereka menguasai kemahiran yang tertentu sebagai sumber pendapatan.
23. PN-1143-L4029
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan ulasan tentang keberkesanan tindakan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan LPKP mengadakan operasi pemeriksaan terhadap pemandu bas dan teksi yang banyak tidak mematuhi undang-undang jalan raya.
24. PN-1143-L4455
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan maklumat terkini jumlah pekerja mengikut sektor dan jumlah kekosongan yang wujud, apakah strategi Kementerian di dalam memenuhi jumlah kekosongan ini tanpa perlu bergantung setiap masa kepada pengambilan pekerja asing.

25. PN-1143-L3996
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk menampung keperluan pesakit buah pinggang yang jumlahnya meningkat dari tahun ke tahun, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan Pusat Dialisis dan pada masa yang sama mengawal kos supaya tidak membebankan pesakit yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.
26. PN-1143-L3919
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah yang dilakukan oleh Kementerian dalam membantu Kerajaan memperkasakan sesuatu dasar yang membabitkan bidang pertanian negara setakat ini.
27. PN-1143-L4026
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal kemasukan pekerja-pekerja asing di negara ini sehingga menyekat peluang pekerjaan penduduk tempatan dan para majikan harus diberi penekanan untuk memberi keutamaan kepada penduduk tempatan. Limpahan pekerja-pekerja asing ini juga menyumbangkan kepada kegiatan jenayah.
28. PN-1143-L4169
Dato' Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan GLC yang menghasilkan keuntungan dan bilangan GLC yang mengalami kerugian bagi setiap tahun dalam tempoh 2003-2007 dan apakah impak usaha Kerajaan baru-baru ini dalam peningkatan prestasi GLC.
29. PN-1143-L3772
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramai orang miskin yang sedang menerima bantuan kebajikan bulanan berupa wang di seluruh negara.
30. PN-1143-L4037
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membuat kajian terhadap keganasan seksual terhadap kanak-kanak seperti mana yang sering berlaku di negara ini.
31. PN-1143-L4375
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah program pencegahan yang dijalankan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mencapai matlamatnya setakat ini.

32. PN-1143-L4444
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk menghadapi semua kelemahan dan kekurangan dalam sistem dan prosedur Kehakiman di Mahkamah Sivil dan Syariah bagi memastikan pelaksanaan secara berkesan undang-undang sivil dan syariah terutama dalam pengendalian kes-kes rumah tangga, jenayah, sumbang mahram dan sebagainya.
33. PN-1143-L3704
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa telah melonjak ke paras yang tidak pernah berlaku dalam sejarah. Ini tentu sekali akan memberi impak yang besar terhadap rakyat sekiranya Kerajaan mengambil langkah mengurangkan kadar subsidi minyak di negara ini. Apakah langkah tegas Kerajaan untuk menangani masalah tersebut dalam jangka masa panjang.
34. PN-1143-L3719
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa banyakkah IPTA di negara yang boleh dikenali sebagai 'disable-friendly', iaitu mempunyai kemudahan-kemudahan bagi membantu penuntut kurang upaya yang menuntut di IPTA dan adakah Kerajaan akan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan ini di IPTA bagi menggalakkan Orang Kurang Upaya (OKU) mengikuti kursus-kursus di IPTA seperti penuntut-penuntut biasa.
35. PN-1143-L4279
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemalangan jalan raya yang membabitkan kereta, motosikal, lori, bas dan sebagainya tiada kesudahan. Walaupun ini merupakan kesalahan pengguna jalan raya tersebut, namun adakah Kementerian mempunyai cadangan yang lebih berkesan bagi meningkatkan lagi kesedaran pengguna-pengguna jalan raya masa kini.
36. PN-1143-L3969
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian mengenai kes-kes pencemaran alam sekitar sejak beberapa tahun ini, termasuk kes-kes penternakan khinzir yang mencemar kawasan dan perairan sekitarnya.
37. PN-1143-L4134
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan nama-nama dan sebab-sebab mengapa Perjanjian Ekstradisi (Extradition Agreement) tidak ditandatangani dengan negara-negara tertentu dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia supaya penjenayah-penjenayah Malaysia tidak bersembunyi di negara tersebut dan sebaliknya.

38. PN-1143-L4160
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab utama ranking Worldwide Press Freedom Index negara telah jatuh kepada nombor 124 daripada keseluruhan 164 negara.
39. PN-1143-L4423
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah subjek seperti pendidikan Tatarakyat yang dahulunya diajar di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan untuk menyemai semangat kenegaraan dari peringkat awal, akan diperkenalkan semula berikutan insiden pelajar menghina lagu Negara Ku.
40. PN-1143-L4362
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh mana penerangan kepada rakyat jelata berhubung ancaman pemanasan global disebabkan perubahan iklim dunia, apatah lagi Malaysia terdedah kepada banjir besar dan kemarau luar biasa.
41. PN-1143-L3745
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi merancang pengambilan pekerja asing dengan lebih teratur dan mudah dikawal.
42. PN-1143-L4120
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapakah Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) didapati sering bertindak mengatasi masalah keluarga malang atau keluarga miskin setelah penderitaan mereka disiarkan oleh akhbar atau televisyen. Ini menggambarkan seolah-olah pegawai JKM tidak turun padang dan gagal menjalankan tugas secara berkesan untuk membantu mereka yang daif.
43. PN-1143-L4412
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bentuk program bagi melahirkan lebih ramai angkasawan dan saintis tempatan di dalam bidang aeroangkasa, terutama bagi memenuhi Aspirasi Misi 2057.
44. PN-1143-L3739
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meramaikan lagi pengusaha tani sejajar dengan strategi Kerajaan untuk menjadikan pertanian suatu perniagaan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan apakah tindakan pihak Kementerian untuk merancakkan lagi penglibatan usahawan Bumiputera dalam industri asas tani.

45. PN-1143-L4254
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada tindakan mahkamah telah dijalankan terhadap Syarikat Bright Rims Manufacturing Sdn. Bhd. yang jelas dan nyata melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan sama ada syarikat ini sudah memenuhi sepenuhnya syarat-syarat Jabatan Alam Sekitar.
46. PN-1143-L4082
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi segelintir rakyat Malaysia yang memburuk-burukkan negara tercinta sama ada di dalam mahupun di luar negara.
47. PN-1143-L3931
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kementerian boleh mempertimbangkan skel menurun dalam kiraan penggunaan elektrik agar dapat menggalakkan penggunaan lebih banyak elektrik di kalangan pemilik bangunan dan premis perniagaan.
48. PN-1143-L3950
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin membantu pengusaha-pengusaha ternakan tenusu terutamanya di kalangan masyarakat India supaya permintaan tinggi terhadap susu segar dapat dipenuhi melalui sumber tempatan.
49. PN-1143-L3885
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Kanun Tanah Negara 1964 untuk mewajibkan penggunaan cap jari bagi semua transaksi penjualan dan pembelian tanah serta rumah bagi mengelakkan kes penipuan.
50. PN-1143-L4349
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejak tiga tahun kebelakangan ini apakah jurusan pengajian yang diambil oleh para penuntut universiti yang masih menganggur dan tidak mempunyai pekerjaan tetapi masih lagi diteruskan dan nyatakan apakah jurusan yang mempunyai permintaan yang tinggi untuk sektor pekerjaan di negara ini.
51. PN-1143-L4168
Dato' Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan dan kejayaan PEMUDAH dalam peningkatan sistem penyampaian.

52. PN-1143-L4079
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian menyedari trend wujudnya lelaki lembut dan apakah Kementerian mempunyai data mengenai bilangan dan status mereka dan apakah ada program khusus untuk mereka.
53. PN-1143-L4085
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapakah selalu berlaku kelewatan penerbangan MAS dan apakah aspek layanan kepada penumpang semasa penerbangan menyebabkan MAS dianggap salah satu penerbangan yang terbaik di dunia.
54. PN-1143-L4487
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada dalam menggalakkan peladangan kontrak (contract farming) termasuk yang dibiayai oleh pelabur asing, Kementerian pasti ianya dijalankan di atas kawasan-kawasan yang diluluskan dan tidak mencerobohi tanah hutan rezab seperti yang jelas ada di Pahang. Adakah Kementerian memantau pergerakan ini dan apa tindakan yang diambil terhadap ladang kontrak yang mencerobohi tanah hutan ini.
55. PN-1143-L4495
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah di dalam penubuhan "Commisioner of Building" di setiap Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil kira kebolehan dan kewibawaan profesion Juru Ukur Bangunan.
56. PN-1143-L4187
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan kayu pengukur (index) perpaduan kaum dalam usaha untuk meningkatkan lagi perpaduan negara, jika tidak, mengapa.
57. PN-1143-L4282
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan isu PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) makin hari makin hangat diperdebatkan, malah hampir setiap hari paparan ini kelihatan di dada akhbar tempatan, apakah tindakan yang lebih efisien yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini walaupun sebelum ini tindakan demi tindakan telah dikuatkuasakan.
58. PN-1143-L3907
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan semua parti politik yang berdaftar ke pentas universiti selaras dasar langit terbuka telah lama dibenarkan.

59. PN-1143-L3742
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah sebuah sekolah berasrama penuh akan didirikan di Parlimen Gua Musang, ini kerana sehingga ke hari ini, tiada sebuah Sekolah Berasrama Penuh atau universiti pun wujud di sini.
60. PN-1143-L4206
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan ekoran kenaikan harga minyak dunia apakah kadar tol akan naik pada tahun 2008. Nyatakan nama syarikat konsesi dan laluan tol yang mereka pohon untuk dinaikkan kadar tolnya.
61. PN-1143-L4145
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pembelian kapal selam tempur pertama jenis 'Scorpene' daripada Perancis tidak akan memberi implikasi ketenteraan kepada negara-negara serantau khususnya Asia Tenggara dan berapakah jumlah kos keseluruhan pembelian dan penyelenggaraan kapal selam tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 43/2007) Rang Undang-undang Perbekalan 2008 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang"**. [13 Disember 2007]

(Menteri Kewangan)

2. PN-1143-U4231

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.192	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya (UM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.200	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.203	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.209	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.211	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.215	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (KWSG) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.219	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.220	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.221	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.223	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.225	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.227	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.229	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.230	Akta Audit 1957 Perintah Audit (Pindaan Jadual Pertama) 2007	17 Disember 2007
ST.232	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.233	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.237	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.239	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.241	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.242	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.243	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.244	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.245	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.246	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.248	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.249	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.250	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007